

Headline	Pasar herba diwujudkan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	563 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,229
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,687



# Pasar herba diwujudkan

**M**ALAYSIA adalah sebuah negara yang sangat kaya dengan herba dan secara tidak langsung ia telah menjadi salah sebuah industri yang berpotensi besar untuk menjana ekonomi yang sangat bernilai di negara ini.

Melihatkan kepentingan dan potensi industri herba, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan Persidangan Industri Herba 2015 di Putrajaya baru-baru ini.

Persidangan itu adalah satu platform bagi individu dan organisasi untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan peluang dalam memperkasa industri herba ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, persidangan tersebut juga memberi peluang kepada peserta industri berasaskan herba untuk mewujudkan rangkaian kerjasama di samping meningkatkan kesedaran mengenai potensi herba dalam memacu pertumbuhan ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

PIH2015 yang bertema *Memperkasakan Jalanan Industri Herba Ke Arah Transformasi Ekonomi* itu juga bermatlamat untuk menyediakan platform pertemuan semua pihak berkepentingan untuk saling bertukar maklumat terkini berkenaan pengetahuan tradisi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) baharu serta keperluan semasa industri.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri **Ahmad Shabery Cheek** berkata, kementeriannya juga berhasrat mewujudkan sebuah pasar premium yang dikenali sebagai Pasar Herba Malaysia, khusus untuk menjual tanaman berasaskan herba selain mengangkat populariti produk berkenaan di persada antarabangsa.

"Sudah tiba masanya Malaysia menghasilkan satu atau dua produk yang menjadi juara produk herba di peringkat antarabangsa bagi memudahkan laluan kepada produk lain memasuki pasaran dunia.

"Walaupun Malaysia telah dikenali sebagai negara yang kaya dengan pelbagai jenis herba, namun masih belum dapat menandingi beberapa produk herba premium negara lain yang lebih terkehadapan dalam soal pemasaran," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan PIH2015 di Putrajaya baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah FRIM, Datuk **Dr. Abd. Latif Mohmod** dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Azizan Mohamad Sidin.

Sementara itu, Abd. Latif berkata, dianggarkan terdapat lebih daripada 1,200 jenis tumbuhan termasuk tumbuhan ubatan dan herba dalam negara ini yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Menurutnya lagi, FRIM telah mewujudkan Sistem Rantaian Industri Herba (SRIHerba) yang merupakan pangkalan data bagi merekodkan maklumat bancian dan tinjauan yang dijalankan penyelidik FRIM.

"Kita kini telah merekodkan maklumat 6,570 pengusaha herba dan

akan siap sepenuhnya dalam masa dua tahun lagi. Pangkalan data itu bertujuan membolehkan pihak berkepentingan mendapatkan akses kepada maklumat terkini berkaitan industri herba," katanya.

Secara umumnya, pengguna akan memperoleh capaian segera kepada senarai dan statistik mengenai pembekal bahan tanaman, penanam, pemproses atau pengusaha, pendorong dan peruncit.

Kemasukan dan pengemaskinian maklumat baharu mengenai aktor di dalam rantaian nilai industri herba turut boleh dilakukan melalui sistem tersebut.

Pangkalan data itu dilihat penting dalam memahami struktur di setiap peringkat rantaian serta keadaan industri herba semasa.

Maklumat yang terkandung dalam pangkalan data itu juga penting kepada pihak yang berkepentingan terutama pembuat dasar dalam merangka strategi dan menentukan hala tuju yang tepat untuk perkembangan industri herba Malaysia.

## PERKENAL HERBA TEMPATAN

Sempena Pameran Herbal Asia 2015 yang berlangsung di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE (MECC) yang berlangsung selama tiga hari baru-baru ini, ia telah berjaya menggabungkan seramai 200 pempamer dari dalam dan luar negara.

Penganjuran kali kesembilan itu bukan sahaja mempamerkan kegunaan herba seluruh di dunia untuk makanan dan minuman, tetapi juga kegunaan herba dalam industri perhotelan, kecantikan, kosmetik, kesihatan dan sebagainya.

Lawi Teja Enterprise, salah sebuah syarikat tempatan yang terlibat dalam pameran tersebut telah menghasilkan produk kesihatan berasaskan herba untuk barah prostat telah mengeluarkan dua produk khusus untuk jenis barah tersebut iaitu *Minyak Tuna Bukit* dan kapsul *Prostat Care*.

Inisiatif yang diambil oleh syarikat bumiputera ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran tentang bahaya kanser prostat apabila hanya 20 peratus rakyat Malaysia sahaja yang ambil tahu



**AHMAD SHABERY CHEEK** mencuba madu semasa melawat gerai dalam Persidangan Industri Herba 2015 di Putrajaya baru-baru ini.

mengenai penyakit berbahaya yang menyerang golongan lelaki ini.

Menurut Pengarah Pemasaran Lawi Teja Enterprise, **Saifullah Lon**, produk yang dikeluarkan mereka adalah persediaan tradisional tanpa menggunakan bahan kimia yang dirumus khas untuk membantu mengawal dan mengencilkan pembengkakan prostat lelaki.

"Antara bahan utama yang digunakan dalam produk kami ialah biji labu kerana ia mengandungi NutriFeron iaitu penggalak interferon semulajadi terutama untuk kesihatan dalam kaum lelaki.

"Kami sangat menggalakkan masyarakat mengamalkan herba dan perubahan Melayu di samping menjalani rawatan moden. Masyarakat sebenarnya perlu dididik untuk hidup secara organik demi kesejahteraan diri," katanya.

Sementara itu, sebuah lagi syarikat bumiputera yang mengeluarkan produk berasaskan tumbuhan semula jadi ialah Ameen Food Industri. Syarikat ini menggunakan bahan-bahan utama seperti saffron dan durian belanda.

Menurut jurucakap syarikat itu, **Saad Omar**, buah durian belanda mempunyai pelbagai khasiat terutama untuk mencegah daripada risiko mendapat kanser.

"Kandungan buah durian belanda seperti karbohidrat, fruktosa, amyloid, asid sitrik, manganese, sukrosa, reticuline, tannin, Vitamin C, vitamin B1 dan vitamin B2 yang boleh digunakan sebagai antibakteria, antikanser, antitumor, astrigen dan penyakit saraf.

"Herba adalah salah satu bentuk kawalan kesihatan kerana kandungannya yang diperlukan untuk keperluan organ secara semula jadi. Apabila digunakan dengan betul, ia adalah ubatan yang selamat dan berkesan," katanya.



**AHMAD SHABERY CHEEK** melancarkan tiga buku terbitan FRIM pada Persidangan Industri Herba 2015 sambil diperhatikan Dr. Abdul Latif Mohmod (kiri) Azizan Mohamad Sidin.